

BAB

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Darussyifa' merupakan satu nama sebuah pertubuhan perubatan Islam yang berpusat di Bangi, Selangor. Berdasarkan kepada sambutan dan cawangannya di merata negara, ia boleh dikatakan dikenali di kalangan masyarakat Malaysia khususnya di Selangor dan Kuala Lumpur. Amalan dan kaedah rawatannya berasaskan kepada ayat-ayat suci al-Qur'an, amalan-amalan daripada Sunnah Nabi s.a.w. dan doa-doa yang sah di sisi syarak.

Namun begitu, terdapat pandangan dikalangan ahli akademik Islam negara dan luar negara berpendapat beberapa kompenan bacaan yang menjadi amalan di Darussyifa' telah dianggap salah di sisi syarak seperti selawat syifa', malah ianya adalah amalan *bid'ah IjalÉlah* (amalan beribadat yang diada-adakan dan amat menyesatkan)¹. Persoalan ini boleh memberi kesan yang amat buruk dari sudut agama kepada masyarakat yang

¹ Azwira Abdul Aziz (Dr) (2007). *Salawat Syifa': Satu Penilaian*, Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia. Ianya merupakan Kertas Kerja yang dibentangkan dalam mesyuarat Jawatan Kuasa Syariah Negeri Perlis dan mengikut keputusan Jawatan Kuasa tersebut bahawa kandungan *Salawat Syifa'* ini amat mengelirukan dan bercanggah dengan prinsip-prinsip akidah Islam kerana memberikan unsur-unsur Ketuhanan kepada baginda Rasulullah s.a.w. Adapun andaian-andaian sesetengah pihak dalam membela maksud salawat tersebut tidak dapat diterima dari segi ilmiahnya.

Lihat juga Fatwa Sheikh Muhammad Ibn Salih Al-'Uthaimin Rahimahullah, di talian:.

http://www.islamway.com/?iw_s=Fatawa&iw_a=view&fatwa_id=34960,

<http://www.islam2all.com/dont/dont/latnshor/9.html>, <http://www.ahbabullah.com/play-6085.html>,

<http://www.qanof.com/vb/showthread.php?p=243845>

terlibat secara langsung atau tidak langsung sama ada yang ingin mendapat rawatan, mereka yang menyokong dan lebih-lebih lagi yang beramal dengan amalan rawatan Darussifa' yang dikatakan berkONSEPAN rawatan Islam, sudah pastinya mereka ini menjadi golongan yang telah terseleweng atau salah pegangan akidahnya.

Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengkaji dan menilai amalan perubatan Darussifa' serta melihat dengan lebih terperinci pandangan-pandangan yang menyatakan kesalahan-kesalahan amalan perbatannya untuk dirumuskan satu hukum yang berdasarkan hujah yang jelas dan adil serta ilmiah.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengamal kaedah rawatan penyakit secara tradisional sama ada yang dikenali dengan rawatan Islam atau sebaliknya di kalangan masyarakat Melayu ialah bomoh atau Tok Bomoh² yang merupakan orang paling penting dalam merawat penyakit. Para perawat Darussifa' juga tidak terlepas dengan istilah tersebut, kerana pada pandangan masyarakat Melayu asal sahaja kaedah rawatan itu secara tradisional (bukan kaedah alopati) maka perawatnya dikenali dengan panggilan bomoh. Namun begitu di Darussifa', pengasasnya Dato' Haron bin Din mahu perawatnya disebut dengan panggilan ustaz. Ini memberi petunjuk bahawa kaedah rawatannya tidak sama dengan kaedah rawatan bomoh-bomoh

² Mengikut Kamus Dewan, bomoh bermaksud tabib kampong (yang mengubati orang sakit dengan menggunakan ubat tradisional atau cara kampong dan jampi-jampi).

yang lain. Ini juga memberi gambaran seolah-olah Darussyifa' tidak terlibat dengan kaedah-kaedah yang dilarang syarak dan sekali gus menolak pandangan beberapa ahli akademik Islam yang berpendapat bahawa ada beberapa amalan rawatan yang terdapat di Darussyifa' adalah salah pada syarak sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Jelasnya, sistem perubatan tradisional atau amalan perbomohan telah menjadi sebahagian kehidupan masyarakat Melayu sudah tidak dapat dinafikan lagi. Malah boleh dikatakan bomoh merupakan orang yang ada kedudukannya dalam masyarakat. Bahkan dalam sesebuah negeri biasanya akan ada seorang yang dikenali sebagai bomoh diraja yang bertugas bukan sahaja sebagai pengubat tetapi juga menjaga keselamatan negeri keseluruhannya.³ Bahkan ada juga di kalangan masyarakat yang percaya dan beranggapan bahawa pada diri bomoh itu mempunyai seribu satu macam ubat untuk menyembuh penyakit, tempat berlindung dari segala bencana dan tempat meminta pertolongan.⁴ Sehinggakan dalam apa jua aktiviti harian bermula dari aspek agama, sosial, kemasyarakatan, ketenteraan dan sebagainya termasuk juga amalan perubatan.⁵

Sebagai contoh semangat perbomohan masih wujud dalam masyarakat Melayu dapat dilihat melalui amalan membuang ancak, amalan menurun ketika melakukan amalan kebudayaan yang melibatkan golongan jin, di mana badan bomoh akan diresapi

³ Abd. Samad bin Ahmad (t.t), *Kesenian Adat dan Petua*, Kuala Lumpur, Associated Educational Distributor, h. 132.

⁴ Hj. Mokhtar Hj. Mat Dom, (t.t), *Bomoh dan Hantu*, Kuala Lumpur, Federal Publications, h. 36.

⁵ Puteri Fahsyar & SMSI (2004). *Pelbagai Isu Mencabar Pemikiran*, cet. Pertama, Kuala Lumpur, Pustaka Buana, h. 40-41.

oleh jin atau makhluk halus yang dipuja, kerana pada sesetengah masyarakat Melayu masih lagi beranggapan bahwa kaedah menurun yang dilakukan untuk tujuan rawatan adalah hasil resapan roh-roh para wali, orang alim yang warak, memiliki ilmu kebatinan yang tinggi dan hampir kepada Allah serta mempunyai karamah semasa hidupnya dan seumpamanya. Mereka yang meninggal ini masih berupaya menolong manusia dengan cara meresap ke dalam diri orang tertentu yang dikatakan juga mempunyai ilmu kebatinan yang tinggi.⁶ Ini merupakan antara amalan yang dilakukan ketika usaha-usaha rawatan tradisional atau rawatan alternatif.⁷

Semangat kesyirikan⁸ dan khurafat⁹ umat Melayu bukan sahaja dalam amalan pengubatan malah telah meresap sampai ke dalam dunia politik, demi kepentingan politik peribadinya ada di kalangan ahli politik sudah tidak mengambil kira soal kesucian akidah.¹⁰ Jika pemimpin atau wakil rakyat yang dipilih sudah terlibat serius dengan perkara-perkara syirik, sudah pasti ia akan memberi kesan kepada rakyatnya. Manakala dalam mencari rezeki atau membina kekayaan melalui bidang perniagaan juga tidak terlepas daripada bahana syirik, kerana peniaga sanggup berjumpa bomoh bagi mendapat

⁶ Amran Kasimin (2009), *Pedoman Wanita Solehah Anis* (majalah Anis, keluaran Februari) h. 30-32.

⁷ Amran Kasimin (1991), *Darussyifa' Bangunan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam*, Bandar Baru Bangi, Selangor: h. 2.

⁸ Menurut Kamus Dewan syirik bermaksud kepercayaan bahawa Allah itu banyak atau menyekutukan Allah.

⁹ Menurut Kamus Dewan khurafat bermaksud ajaran yang bukan-bukan atau karut.

¹⁰(2009) *Berita Harian* (keluaran 6 Mei 2009, rabu dalam ruangan nasional), telah melaporkan bahawa seorang exco Islam negeri Perak telah membawa bomoh masuk Dewan Undangan Negeri (DUN) dan telah menabur kunyit dengan lada hitam di beberapa sudut dan di celah-celah permaidani., h. 5.

tangkal atau azimat pelaris atau amalan yang tidak diajar dalam Islam.¹¹

Sehinggakan fenomena ini juga telah menarik minat di kalangan penulis skrip serta pengarah filem untuk menayang filem yang berunsur mistik ini dan ia mendapat sokongan serta diminati oleh setiap lapisan masyarakat. Satu demi satu filem berunsur mistik berjaya mencuri perhatian penonton yang didominasi oleh penonton Melayu, yang mana dalam keghairahan meneroka watak-watak hantu yang seram hingga tanpa disedari nilai-nilai agama telah dikesampingkan yang membawa kepada penyelewengan aqidah seperti menggunakan khidmat bomoh dalam pengubatan yang menggunakan kuasa selain daripada Allah dan penggunaan tangkal selain menimbulkan rasa takut yang melampau kepada makhluk di kalangan penonton. Ia amat bersalah dengan konsep takut yang sebenar dalam Islam sehinggakan Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid menyifatkan ini adalah "berhala moden".¹²

Senario ini berlaku mungkin disebabkan masyarakat Melayu satu ketika dahulu merupakan masyarakat yang menerima banyak resapan pengaruh agama dan kepercayaan karut yang bermacam-macam sebelum kedatangan Islam, seperti fahaman Buddha Syinrawath (Buddha Puja Dewa) yang banyak menghasilkan perkara-perkara yang mencari adat melalui pemujaan, jampi serapah dan seumpamanya.¹³

¹¹ Siti Nur Almizan Aripin (2009), *Berita Minggu*, (keluaran 21 Jun 2009, ahad melalui ruangan rencana yang telah dibentang oleh Us. Mohd Fauzi Mustaffa), h. 6.

¹² Nor Shamsinor Baharin & Nazmy Sannusi, et. Al. (2008). *Majalah al-Islam*, Selangor, Utusan Printcorp Sdn. Bhd., h. 10-16.

¹³ Puteri Fahsyar & SMSI (2004). *op. cit.*, h. 40-41

Perkara ini mungkin juga berlaku kerana pengaruh Islam tidak begitu menonjol khususnya dalam persoalan yang berkaitan dengan ilmu pengubatan tradisional Islam. Malah mereka yang mengajar atau menurunkan ilmu rawatan Islam agak terlalu sedikit jika mahu dibandingkan dengan pewarisan atau penurunan ilmu pengubatan yang berunsurkan penerapan animisme dan Hindu-Budha yang dibawa dari benua India oleh mereka yang menganutinya.¹⁴

Walaupun begitu, segala fahaman ini telah cuba dibanteraskan oleh para mubaligh Islam yang benar-benar alim lagi sufi¹⁵ khususnya di Tanah Melayu. Namun masalahnya ialah mengenai anutan orang Melayu terhadap ajaran Islam pada hakikatnya masih tidak berupaya untuk membanteras atau mengikis sebahagian besar daripada pelbagai kepercayaan karut yang terdapat dalam budaya harian orang Melayu hasil daripada penerapan pengaruh animisma dan Hindu-Budha.¹⁶ Bahkan, orang Melayu masih ramai lagi yang terpengaruh dengan tipu daya kalangan pengubat yang kononnya menjalankan kaedah rawatan secara Islam, kerana bacaan Basmalah pada setiap kali rawatan dimulakan, sebutan nama-nama rasul, nabi, malaikat dan kalimah *LÉ 'IlÉha 'llallÉh* semasa dan di akhir rawatan. Sedangkan kekeliruan ini secara tidak sedar telah mengheret sama mereka yang ingin mendapatkan rawatan ke kancah khurafat, tisyul dan syirik serta bertentangan dengan keharusan syarak.

¹⁴ Amran Kasimin (1991), *Darussyifa' Bangunan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam*, Bandar Baru Bangi, Selangor: h. 2.

¹⁵ Puteri Fahsyar & SMSI (2004), *op. cit.*, h. 40-41.

¹⁶ Amran Kasimin (2009), *op. cit.*, (majalah Anis, februari), hlm. 2.

Mengikut laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) 80 peratus penduduk dunia masih bergantung kepada rawatan tradisional dan ia tidak hanya terkongkong dalam masyarakat Melayu sahaja. Secara terperincinya ialah 50 peratus mendapat sambutan daripada penduduk negara-negara membangun, manakala 75 peratus pula daripada penduduk negara-negara yang sedang membangun. Melalui perangkaan ini seolah-olah memberi gambaran bahawa sebahagian besar masyarakat beranggapan perubatan moden adalah penawar kepada segala penyakit merupakan persepsi yang dapat diketepikan.¹⁷

Oleh itu penulis mengandaikan, melihat kepada situasi dan kondisi sedemikian maka pengasasnya dan golongan awal yang bersama dengannya mengambil keputusan mewujudkan Darussyifa' yang mempunyai matlamatnya tersendiri.

Kewujudan Darussifa' sama ada disedari atau tidak pengaruhnya telah semakin berkembang dengan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat, khususnya masyarakat Melayu Selangor dan Kuala Lumpur, begitu juga dari negeri-negeri lain malah segelintir masyarakat negara luar, seperti Brunei, Singapura, Indonesia dan Thailand.

Amalan bacaannya yang berasaskan ayat-ayat al-Qur'Én, hadÊth, doa-doa

¹⁷ Azman Mohd Nawi, Salawati Haris, Dahlia Ismail (2006), *Milenia Muslim*, Kuala Lumpur, Trans Noble (M) Sdn. Bhd., h. 40

ma'th̄r serta beberapa petua tinggalan silam yang tidak bercanggah dengan syarak pada hemat pengasasnya dijadikan kaedah pengubatan. Justeru kompenan amalan inilah yang diajar kepada sekelian pelajarnya, terutama sepuluh amalan bacaan yang digunakan sebagai jampi ketika melakukan rawatan hasil daripada gabungan ayat-ayat, selawat dan doa yang merupakan kompenan amalan tunggak kepada setiap pengamal Darussifa'. Kompenan amalan ini yang dinamakan dengan Bacaan Asas Sepuluh Pertama yang merupakan persoalan yang akan dijadikan kajian dalam disertasi ini, hendaklah dihafaz dengan sebaik-baik bacaan mengikut hukum tajwid. Bacaan Asas Sepuluh Pertama ini juga akan diuji kepada setiap pelajar bagi menentukan adakah pelajar tersebut berjaya atau gagal dalam menuntut ilmu pengubatan Islam tersebut.

Persoalannya, gabungan amalan Bacaan Asas Sepuluh Pertama itu tidak diberi perhatian yang sewajarnya di sisi akademik dari segi mengenal pasti sumbernya, kelebihannya serta keselariannya dengan hukum syarak. Cuma yang pasti pengasasnya (Dato' Dr. Haron Din) selalu memberi penekanan terhadap pengertian dan kelebihannya serta kaitannya dengan penyakit yang hendak diubati secara lisan dalam sesi kuliah bagi melengkapi teks yang terkandung dalam buku serta menerapkan keyakinan dan kefahaman yang sewajar kepada murid-muridnya.

Atas asas itu penulis mengira suatu yang penting untuk mengkaji mengenai Darussyifa' dari sudut amalan Bacaan Asas Sepuluh Pertama ini diteliti kesahihannya dari sudut syarak. Ini boleh bermanfaat kepada masyarakat secara umum selain daripada

menambahkan keyakinan kepada pengamalnya khususnya dari sudut akidah yang benar, mendapat keberkatan dan keberkesanan dalam amalan serta kemantapan dalam beribadah. Begitu juga memberi manfaat kepada masyarakat luar di mana mereka akan tahu ke arah mana harus dituju atau berada ketika dalam suasana untuk mendapat rawatan selain rawatan moden yang ada, agar tidak terlibat dengan kesyirikan, tasyul, khurafat dan kekufturan lantaran untuk meringankan beban kesakitan yang diuji Allah. Begitu juga dalam dunia akademik, penulisan ini boleh menjadi penjelas dalam mereda dan meleraikan pertikaian yang ada, sebagaimana yang dibahaskan oleh golongan yang juga mempunyai asas dalam bidang agama, bahawa pengamalan selawat syifa' dalam perubatan adalah bertentangan dengan hukum syarak, lantaran menganggap Nabi Muhammad s.a.w. adalah sebagai penyembuh. Begitu juga dengan bacaan-bacaan lain yang terdapat dalam pengubatan Darussyifa'. Malah sekali gus boleh memberi ketenangan kepada masyarakat awam yang agak sudah ada kecenderungan memahami dan mendalami persoalan-persoalan agama khususnya dalam rawatan tradisional Islam.

MASALAH KAJIAN

Berdasar kepada penulisan-penulisan mengenai pengubatan tradisional Islam yang dihasilkan khusus mengenai pengubatan Islam Darussifa' sebelum ini, kebanyakannya berbicara dari sudut bacaan dan kaedah rawatan yang harus dilaksanakan ketika proses pengubatan dijalankan. Darussifa' mempunyai bentuk atau metodnya yang tersendiri lantaran sistem rawatannya dikenali dengan slogan pengubatan Islam, manakala para

pengamalnya yang memberi khidmat lebih dikenali dengan panggilan ustaz. Sedangkan telah ada beberapa individu ilmuan Islam tanah air dan pemimpin negara yang mula mempertikaikan kaedah bacaan dan petua yang terdapat dalam rawatan Darussyifa'.

Dakwaan amalan rawatannya adalah bid'ah dalalah adalah sesuatu yang serius kerana ia melibatkan kedudukan aqidah perawat dan juga mereka yang dirawat secara tidak langsung. Ia memberi kesan yang sangat besar yang boleh menjadikan seseorang itu terdedah kepada risiko syirik dan rosak akidah. Perkara ini perlu dirungkai dengan kajian yang seadilnya terhadap amalan Bacaan Asas Sepuluh Pertama yang merupakan amalan teras dalam menjalankan rawatan agar ia jelas hukumnya di sisi syarak samada ia diharuskan atau sebaliknya.

SOALAN KAJIAN

Memandang kepada kerangka teori yang dirancang melalui penulisan, maka kajian atau penulisan mengenai Amalan Pengubatan Persatuan Kebajikan Dan Penggubatan Islam Darussifa' khususnya penilaian hukum syarak mengenai Bacaan Asas Sepuluh Pertama, adalah dibina di atas beberapa persoalan berikut:

1. Adakah amalan Bacaan Asas Sepuluh Pertama di Darussyifa' ma'thEr?
2. Benarkah Bacaan Asas Sepuluh Pertama bertentangan dengan syarak?
3. Apakah hukum syarak Bacaan Asas Sepuluh Pertama?

4. Apakah bentuk penyelesaian terhadap pertikaian Bacaan Asas Sepuluh Pertama?

OBJEKTIF KAJIAN

Penulisan ini diusahakan bagi mencapai beberapa objektif yang dikira penting kepada pengamal Darussifa', ahli akademik dan masyarakat, seperti:

1. Menjelaskan konsep perubatan Islam.
2. Menganalisis Bacaan Asas Sepuluh Pertama yang diamalkan oleh para pengamal pengubatan Islam Darussyifa'.

HIPOTESIS

Memandang kepada kerangka teori yang dirancang melalui penulisan, maka kajian atau penulisan mengenai “Amalan Pengubatan Persatuan Kebajikan Dan Penggubatan Islam Darussifa” yang mahu dilihat dalam kandungan hukum syarak, adalah dibina di atas beberapa null-hipotesis berikut:

1. Tiada asas bahawa Bacaan Asas Sepuluh Pertama di Darussyifa' adalah *ma'th̄Er*.
2. Tiada hujah untuk menjadikan Bacaan Asas Sepuluh Pertama di

Darussyifa' tidak bertentangan dengan syarak.

3. Tiada hukum sunnah (bid'ah) dalam Hukum Bacaan Asas Sepuluh Pertama di Darussyifa'.
4. Tiada penyelesaian terhadap pertikaian Bacaan Asas Sepuluh Pertama di Darussyifa'

Oleh itu satu penilaian yang adil terhadap amalan pengubatan Darussyifa' dan segala pengisian yang ada dalam kandungannya adalah amat penting diselami.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting dilakukan kerana sambutan masyarakat terhadap rawatan-rawatan alternatif seperti yang diketengahkan oleh Darussyifa' amat ketara sekali. Apatah lagi dengan Darussyifa' yang menerima kehadiran pesakit yang tidak putus-putus dari sehari ke sehari malah boleh dikatakan makin bertambah, walaupun jam jadual pengubatan telah ditambah. Oleh itu kajian ini perlu dilakukan kerana ia boleh memberi beberapa sumbangan seperti berikut:

1. Meningkatkan kefahaman di kalangan anggota keluarga Darussifa' dan sekali gus kepada mereka yang beramal dengan mana-mana bacaan yang terdapat dalam Bacaan Asas Sepuluh Pertama.

2. Memperkuuhkan keyakinan ahli pengubatan Darussifa' terhadap amalan mereka.
3. Menjadi batu ukur bagi anggota Darussifa' terhadap amalan pengubatan mereka agar bertepatan dengan syarak.
4. Memberi keyakinan dan menjelaskan asas-asas hukum syarak yang muktabar kepada masyarakat yang mendapat rawatan perubatan Islam di Darussyifa'.

SKOP KAJIAN

Dalam penulisan ini, ruang lingkup perbincangannya difokuskan sekitar bentuk pengubatan Islam yang diamalkan oleh warga Darussyifa' yang hanya diajar atau dibenar oleh pengasas atau gurunya, iaitu "Bacaan Asas Sepuluh Pertama" yang menjadi kompenan sebagai jampi dalam proses rawatan. Tanpa mengambil kira bacaan ayat al-Quran, ÍadÊth dan doa-doa selain kompenan Bacaan Asas Sepuluh Pertama daripada segelintir ahli-ahlinya yang mereka dapati dari luar kandungan Darussyifa'.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjadikan penulisan ini lengkap dan berfakta maka penulis menggabungkan beberapa disiplin ilmu kajian atau metodologi kajian yang boleh diertikan sebagai melakukan sesuatu secara bersistem supaya hasil yang diperolehi tepat. Untuk itu secara

umumnya kajian ini dibuat dalam bentuk kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

a) Metodologi Pengumpulan Data

i. Metode Kajian Perpustakaan

Secara asasnya kajian ini bergantung sepenuhnya kepada penyelidikan perpusatakan. Metod ini diguna pakai untuk mencari dan menghimpun data yang bersumberkan buku-buku rujukan, akhbar, majalah, jurnal, kertas kerja dan lain-lain sumber bertulis. Dalam memperolehi sumber data tambahan, rujukan kepada laman-laman web juga akan dijalankan.

Melalui kajian ini penulis dapat menyimpulkan akan keterikatan masyarakat Melayu dengan alam perbomohan atau rawatan alternatif, objektif Darussyifa' ditubuhkan, sejarah pengubatan Islam dan amalan asas Darussyifa' serta perbezaan pandangan mengenainya. Penulis melakukan penyelidikan di perpustakaan berikut:

- . Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- . Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- . Perpustakaan Peringantan Zaaba, Universiti Malaya.

- Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perpustakaan al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Perpustakaan Awam, JAWI.

ii. Metode Temubual

Temubual tidak berstruktur dan tidak secara berkala dengan beberapa pengamal teras Pengamal Pengubatan Darussyifa' dan mereka yang berotoriti dari sudut akademik Islam untuk mengukuhkan data kajian ini. Melalui kajian ini penulis dapat menggarap akan kedudukan hukum terhadap amalan Bacaan Asas Sepuluh Darussyifa' yang menjadi objektif utama kajian ini. Tokoh-tokoh tersebut ialah:

1. Dato' Dr. Haron Bin Din, beliau adalah pengasas Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam Darussyifa'. Temubual pada 29 Disember 2009.
2. Dr. Ismail Bin Mahmood, Bekas pensyarah di Syariah, Universiti

Kebangsaan Malaysia. Temubual pada 30 Mei 2009 dan 9 Januari 2010.

3. Hj. Jufry bin Jamaluddin, beliau adalah Jawatankuasa Darussyifa' pusat, Darussyifa'. Temubual pada 24 Mac 2009.
4. Dr. Manan Bin Mohammad, Seorang Pensyarah di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu. Temubual pada 2 Mei 2011.
5. Prof. Dr. Wahbah al-Zuhailî, beliau merupakan seorang ulam besar masa kini. Temubual pada 14 Mei 2011.
6. Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia (USIM), AJK Fatwa Negeri Sembilan dan Negeri Terengganu dan Penulis Tamu di Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM). Kenyataan Pada 14 Mei 2011.

iii. Metode Partisipasi

Bagi mendapat gambaran yang jelas mengenai amalan Bacaan Asas Sepuluh Pertama penulis kerap kali hadir ke majlis pengajian mingguan Darussyifa' pada setiap malam selasa sejak tahun 2004 hingga 2008 di

bangunan Darussyifa' Bandar Baru Bangi.

iv. Metode Observasi

Penyelidikan secara observasi juga dilakukan di mana penulis kerap hadir dalam sesi Tuan Guru Dato' Haron Din dan beberapa ahli Darussyifa' menjalankan rawatan pada hari selasa dan petang sabtu setiap minggu, untuk melihat sejauh mana hubungan Darussyifa' dengan masyarakat dari sudut peranan, sumbangan, kesan, tarikan dan kepentingan terhadap masyarakat Melayu Islam Malaysia khususnya.

b) **Metodologi Analisis Data**

Setelah data-data yang diperolehi dan dikumpulkan, maka penulis menganalisa data-data dan maklumat tersebut dengan menggunakan beberapa kaedah kajian seperti di bawah:

- i. *Metod Induktif* iaitu cara menganalisis data melalui pola berfikir mencari bukti-bukti kukuh daripada perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada kesimpulan yang umum. Kaedah ini dilakukan untuk kajian pada bab dua, di mana beberapa dalil yang berkaitan dibawa datang bagi menyatakan keharusan dan keperluan kepada ilmu dan amalan pengubatan tradisional Islam.

- ii. *Metod Deduktif* merupakan satu teknik yang menganalisa maklumat yang ada dengan membuat rumusan berdasarkan dalil hal-hal yang bersifat umum terhadap dalil hal yang bersifat khusus. Penulis akan mengemukakan dalil-dalil sama ada daripada al-Quran, al-Sunnah, amalan para sahabat dan ulama bagi menyokong hukum-hukum yang akan ditentukan terhadap Bacaan Asas Sepuluh Pertama di Darussyifa'. Kaedah ini dilakukan untuk menyempurnakan bab dua dan tiga.

- iii. *Metod Perbandingan* adalah satu cara mengukur perbezaan antara dua keadaan (pandangan). Segala data dan maklumat yang diperolehi dibuat perbandingan bagi menentu yang mana lebih telus di sisi syarak yang akhirnya satu rumusan dan kesimpulan yang kukuh diperolehi. Penulis menggunakan kaedah ini bagi menyempurnakan bab tiga dan empat.

ULASAN PENULISAN

Penulisan tentang pengubatan Islam bukanlah sesuatu yang baru, malah perbincangan mengenainya telahpun banyak dilakukan oleh ulama terdahulu sehingga kepada penulisan buku dan sarjana, malah sarjana muda masa kini. Walaupun begitu melalui pengamatan penulis kajian terhadap Darussyifa' secara khusus oleh pengkaji atau penulis dari sudut akademik adalah masih terlalu kecil. Antara disertasi dan buku yang dibuat penelitian oleh penulis ialah:

Dalam kajian yang dilakukan oleh Zafarul Nizar bin Zan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia melalui tesis sarjananya yang bertajuk *Takhrīj Dan Penilaian Nas-nas Berbahasa Arab Yang Terdapat Dalam Buku Doa & Rawatan Penyakit (1) Yang Digunakan Di Darussyyifa'*.¹⁸ Beliau hanya melihat sejauh mana nas-nas berbahasa arab yang terdapat dalam buku tersebut bersumber dari al-Quran dan Hadis dan mana-mana nas dan amalan berbahasa arab yang tidak dinyatakan sumbernya akan disemak olehnya melalui kaedah *Takhrīj*. Beliau juga menyatakan tempat duduk bagi ayat-ayat al-Quran dalam buku tersebut yang dijadikan amalan dan tidak dinyatakan pengarang tempat letaknya. Namun tidak ada penegasan pernyataan dari sudut hukum terutama bagi bacaan yang tidak terdapat sandaran dalil yang *qaī'ah*.

Begitu juga telah ada satu disertasi yang dihasilkan oleh Mardiana Abdul Ghani mengenai pengubatan Islam di Darussyyifa' secara khususnya bertajuk *Penggunaan Ayat al-Quran Dalam Bidang Perubatan: Kajian Di Darussyyifa' Bangi*.¹⁹ Beliau merupakan siswi Jabatan al-Quran dan Hadis Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan diterbitkan pada 2004. Melalui kajiannya penekanan yang diberi adalah dari sudut sejarah penubuhan Darussyyifa', jenis penyakit yang dirawat dengan kaedah serta ayat yang diguna pakai, seterusnya beliau membuat pengukuran berdasarkan pandangan pesakit yang mendapatkan rawatan Darussyyifa'. Namun kupasan berdasarkan hukum

¹⁸ Zafarul Nizar bin Zan (2002), *Takhrij Dan Penilaian Nas-nas Berbahasa Arab Yang Terdapat Dalam Buku Doa & Rawatan Penyakit (1) Yang Digunakan Di Darussyyifa'*, (Disertasi Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah Fakulti Pengajian Islam), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

¹⁹ Mardiana Abdul Ghani (2004), *Penggunaan Ayat al-Quran Dalam Bidang Perubatan: Kajian Di Darussyyifa' Bangi*. (Dsertasi Sarjana Jabatan al-Quran dan al-Hadiyah, Akademi Pengajian Islam), Universiti Malaya.

syarak mengenai beberapa perkara belum dilihat mendalam.

Penulisan Dr. Amran bin Kasimin melalui buku *Darussyifa' Bangunan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam*,²⁰ membicarakan Darussyifa' dalam suasana sejarah penubuhan, perjalanan amalan dhikir, doa sebelum kelas perubatan dimulakan, garis panduan pengubatan Islam dan satu cetusan minda kepada rawatan Islam sebagai satu pilihan dalam menangani masalah merawat penyakit.

Dalam kertas kerja bertajuk *Makhluk Halus Dan Penyakit Berdasarkan al-Qur'an*²¹ yang dibentang pada persidangan ke 2 Pusat Perubatan Universiti Malaya pada 11 Oktober 2002. Dato' Dr Haron Bin Din sebagai penaung Darussyifa' Pusat memberi penekanan pada berbicaranya itu dalam ruang lingkup panggilan-panggilan kepada makhluk halus, bilangan angka kepada panggilan tersebut dan juga bentuk-bentuk penyakit yang mampu dikenakan oleh makhluk halus kepada manusia berdasarkan ayat-ayat al-Quran serta cara merawatnya mengikut perlakuan Rasulullah s.a.w. dan ulama tÉbi 'En seperti Imam Ahmad.

Dalam buku *Memperkasa Diri*.²² Dr Amran Kasimin telah berbicara mengenai hakikat kejadian insan yang terdiri daripada unsur *roh* dan *jasad* dengan sifat semula jadi

²⁰ Amran Kasimin (Dr) (1991), *Darussyifa' Bangunan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam*, Bandar Baru Bangi, Selangor.

²¹ Dato' Haron Bin Din (Dr) (2002), *Makhluk Halus Dan Penyakit Berdasarkan al-Quran*, Kuala Terengganu: Nur Syifa' Center.

²² Amaran Kasimin (Dr) (2002), *Memperkasa Diri*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan.

yang ada padanya. Dalam buku ini dibincang juga mengenai banyak penyakit yang berkaitan dengan roh (penyakit dalaman atau batin) seta memberi kesan kepada penyakit fizikal dan semua ini berlaku kerana gangguan makhluk halus. Justeru dalam buku ini disediakan cara-cara beribadah, bentuk-bentuk dzikir dan kaedah berdzikir untuk memperkasakan diri (sebagai pertahanan daripada serangan makhluk halus) serta cara merawat apabila terkena serangan.

Dr. Amaran Kasimin dalam bukunya *Merawat Diri Akibat Sihir Dengan Bermunajat*²³ memberi kupasan dari sudut amalan-amalan yang perlu dilakukan untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan sihir serta diberi pejelasan kekeliruan amalan-amalan yang melibatkan sihir dengan cara mengguna ayat-ayat al-Quran nama-nama Allah untuk tujuan yang salah.

Buku *Hajat Untuk Rawatan, Pelindung Dan Doa*²⁴ tulisan Ustaz Muhd. Abd. Ghani membincangkan fadhilat-fadhilat beberapa surah dan beberapa ayat yang terdapat dalam al-Quran untuk dijadikan amalan sebagai jalan untuk mengelak malapetaka yang menimpa, menyembuh penyakit zahir dan batin serta membuka pintu-pintu kebaikan.

Ustaz Abdul Nasir melalui bukunya *Keunggulan Doa Dan Rawatan*²⁵ juga

²³ Amaran Kasimin (Dr) (1998), *Merawat Diri Akibat Sihir Dengan Bermunajat*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.

²⁴ Muhd. Abd. Ghani (1996), *Hajat Untuk Rawatan, Pelindung Dan Doa*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

²⁵ Abdul Nasir (t.t), *Keunggulan Doa Dan Rawatan*, Gombak, Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas.

memberi penekanan terhadap ayat-ayat tertentu daripada al-Quran dan hadis-hadis Nabi s.a.w. serta khasiat Asma al-Husna (99 nama Allah) dalam merungkaikan masalah dalam kehidupan dan mengubati penyakit-penyakit zahir dan batin.

Manakala buku *al-'Il̄ej al-Rabb̄eni Li al-Sīr Wa al-Mas al-Syaīīn̄*²⁶ penulisnya MajdÊ Mūammad al-Syahawi telah membahagikan kandungannya kepada dua juzuk iaitu pada juzuk pertama dinyatakan mengenai kewujudan jin berdasarkan *al-Qur'ān* dan *al-×**ad̄eth*, dan perkara-perkara yang berkaitan dengan jin seperti jenis, makanannya, tempat tinggal, penjelmaannya, bentuk dan sebab gangguan jin serta jampi-jampi yang diharus syarak. Pada juzuk kedua pula dibahas tentang sihir dan bentuk serta cara mengatasinya.

WaÍÊd 'Abd al-SalÉm BÉIÊ dengan bukunya *WiqÉyah al-InsÉn Min al-Jin Wa al-Syaīīn̄*²⁷ menerangkan hakikat jin dan pintu-pintu yang menjadi jalan untuk syaitan masuk ke dalam hati manusia. Beliau juga menyatakan benteng-benteng mempertahankan diri dan cara merawat apabila terkena hasutan syaitan. Dalam rawatan beliau membahagikan pengubatan yang hendak dilaksanakan kepada tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas rawatan serta bahagian badan boleh dijadikan laluan jin atau syaitan keluar.

²⁶ MajdÊ Mūammad al-Shahawi (1998), *al-'Il̄ej al-Rabb̄eni Li al-Sīr Wa al-Mas al-Syaīīn̄*, Mesir.

²⁷ WaÍÊd 'Abd al-SalÉm BÉIÊ (t.t.), *WiqÉyah al-InsÉn Min al-Jin Wa al-Syaīīn̄*, Qaherah: DÉr al-BashÊr.

Dalam bukunya yang lain *al-ØÉrim al-BattÉr Fi al-TaâladdÊ Li al-Saârah al-AsyrÉr*,²⁸ WaÍÊd ‘Abd al-SalÉm BÉlÊ menceritakan jenis-jenis sihir dan bacaan ayat-ayat tertentu untuk menanginya, serta dikemukakan juga perbezaan pendapat di kalangan ulama apakah mampu jin merasuk dalam badan manusia.

Al-IstishfÉ’ Bi al-QurÉn Wa al-TadÉwÊ Bi al-RuqÉ,²⁹ Muhammad ‘Ilam Úarabiyyah menulis tentang kegunaan ayat-ayat dalam merawati penyakit yang berpunca daripada rasukan jin atau syaitan dan juga rawatan sakit fizikal seperti melecur, luka dan lain-lain lagi.

Berdasar kepada penulisan-penulisan mengenai pengubatan tradisi Islam sebelum ini termasuk buku-buku yang dihasilkan khusus tentang pengubatan Islam Darussifa’, kebanyakannya berbicara dari sudut bacaan dan cara rawatan. Melihat kepada fakta di atas masih belum ada penulisan khusus mengenai hukum amalan *Bacaan Asas Sepuluh*, sebagaimana yang terdapat di Darussyifa’, justeru penulis mengira masih ada ruang yang perlu diselidiki terhadap penubuhan Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam Darussyifa’ agar ia lebih jernih dan bertepatan dengan syarak serta lebih diyakini dan terjamin. Justeru ruang kajiannya adalah dari sudut:

²⁸ WaÍÊd ‘Abd al-SalÉm BÉlÊ (t.t.), *al-ØÉrim al-BattÉr Fi al-TaâladdÊ Li al-Saârah al-Asyrar*, Jedah: Maktabah al-ØaÍÉbah.

²⁹ MuÍammad ‘Ilam Úarabiyyah (1994), *Al-IstishfÉ’ Bi al-QurÉn Wa al-TadÉwÊ Bi al-RuqÉ*, ‘UmÉn: DÉr al-IsrÉ’ Li al-Nashr Wa al-TawzÊ’.

1. Kesan penubuhan Darussyifa kepada masyarakat yang memerlukan khidmat pengubatan tradisional.
2. Kedudukan hukum amalan Bacaan Asas Sepuluh Pertama kerana kesahihannya merupakan satu faktor penting terhadap masyarakat Islam.

Akhir sekali penulis mengharapkan kajian ini dapat menjadi pembuka jalan kepada pengkaji-pengkaji lain dalam usaha menyelidik mengenai amalan pengubatan tradisional Islam, khususnya terhadap Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam Darussyifa' dan dapat memperluaskan lagi ilmu usul fiqh terhadap bidang pengubatan tradisional Islam.